

07/07/2002

Pak Lah cekap: PM (HL)

Manja Ismail

BANGKOK: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang akan menggantikannya pada Oktober tahun depan, mampu menjadi perdana menteri yang baik dan secekap beliau.

Perdana Menteri juga membayangkan beliau mungkin melantik seorang menteri kewangan baru bagi mengambil alih tugasnya di Perbendaharaan dalam tempoh peralihan kuasa sekarang.

"Saya yakin timbalan saya boleh memimpin negara dengan kemampuan yang sama seperti saya," katanya menjawab soalan pada sesi soal jawab jamuan tengah hari anjuran Jawatankuasa Bersama Perdagangan, Industri dan Perbankan Thailand, di sini semalam.

Beliau melahirkan keyakinan itu apabila ditanya sama ada bakal penggantinya nanti akan secekapnya dan berupaya meneruskan pencapaian Malaysia sepanjang 21 tahun kepemimpinan beliau.

Dr Mahathir yang tiba dari Chiang Mai dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke sini diajukan pelbagai soalan oleh hadirin sebahagian besarnya ahli perniagaan dan akademik.

Walaupun sebahagian soalan membabitkan ekonomi dan pengalaman Malaysia menangani krisis kewangan yang pernah dijawabnya sebelum ini, beliau menjelaskannya dengan terperinci.

Perdana Menteri menegaskan, pencapaian Malaysia sebenarnya bukan terlalu bergantung kepada individu tetapi lebih kepada dasar yang digubal kerajaan.

Sejak merdeka, dasar kerajaan amat konsisten dan kerajaan tidak pernah bersikap antiperniagaan. Malah, ketika sebahagian besar negara baru merdeka memilik negarakan syarikat asing, Malaysia melakukan sebaliknya dengan mempelawa mereka datang membantu ekonomi negara.

"Walaupun akhirnya ladang dan lombong menjadi milik rakyat Malaysia, ia dibeli di pasaran saham pada harga biasa. Dasar ini adalah sesuatu yang diperjuangkan oleh parti, bukannya individu, sejak zaman perdana menteri pertama hinggalah sekarang.

"Apa yang saya telah lakukan hanyalah memberi dorongan dan saya yakin pengganti saya nanti mempunyai kemampuan yang sama," tegas beliau.

Ini adalah pertama kali Dr Mahathir menyatakan keyakinannya secara terbuka terhadap Abdullah pada peringkat antarabangsa sejak beliau mengumumkan timbalannya itu akan mengambil alih kepemimpinan kerajaan dan parti, akhir bulan lalu.

Kepada soalan sama ada dalam tempoh peralihan kuasa sekarang, beliau bercadang melantik seorang menteri kanan yang bertanggungjawab dalam urusan kewangan, Perdana Menteri berkata, beliau tidak menolak kemungkinan melantik seorang lagi menteri kewangan.

"Malah, saya tidak menolak kemungkinan saya akan melepaskan jawatan sebagai menteri kewangan dan melantik yang baru. Tapi maaf saya tidak boleh memberitahu siapa," katanya.

Menjawab soalan wartawan akhbar The Nation apakah kelemahannya yang paling besar sepanjang kepemimpinannya, Dr Mahathir secara berseloroh berkata, beliau banyak kelemahan dan satu daripadanya ialah tidak dapat menutup mulutnya.

"Walaupun saya tahu itu adalah satu kelemahan, saya belum lagi mahu mengalah. Saya lebih seronok bercakap kasar kepada orang yang bercakap kasar mengenai saya. Itu adalah satu daripada kelemahan dan saya rasa banyak lagi ...

"Saya kena duduk dan tulis semuanya, mungkin boleh memenuhi sebuah buku. Dan bila saya lakukan itu, saya harap orang tidak meniru saya," katanya disambut gelak hadirin.

Mengenai rahsia beliau yang masih bertenaga walaupun akan menyambut ulang tahun ke-77 tidak lama lagi, Dr Mahathir sekali menggamatkan hadirin apabila menyamakan keseronokan bekerja dan melihat hasilnya dengan pil Viagra.

"Pernah satu ketika saya juga berasa usia 60 tahun adalah sesuai untuk bersara. Tetapi bagi seorang yang berjawatan seperti saya, saya rasa saya boleh tentukan bila saya patut bersara.

"Saya seronok dengan kerja saya dan mendapat kepuasan apabila melihat hasilnya. Ia amat merangsang untuk melihat hasilnya, macam Viagra. Oleh itu, saya rasa selagi seseorang itu mampu bekerja, dia patut teruskan.

"Ada orang yang mahu saya kerja sampai mati tetapi saya fikir seseorang perlu bersara bila dia masih sihat supaya dia boleh terus menikmati kehidupan," katanya.